

## Kurangkan campur tangan orang tengah

KUANTAN - Selepas kerajaan bersetuju meneliti pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yakin dapat merekodkan perolehan RM1 bilion yang mampu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diberi tanggungjawab oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi mencari jalan mengurangkan harga barangan keperluan asas dan peranan orang tengah.

Menurutnya, pihaknya juga yakin dengan program yang dilaksanakan itu akan dapat membantu mengurangkan secara puratanya empat peratus lebih murah daripada harga barang semasa di pasaran.

"Perkara ini telah mendapat persetujuan selepas mesyuarat Majlis Tindakan



Abdul Fattah (berdiri di kiri) beramah mesra dengan tetamu yang hadir pada majlis Aidilfitri anjuran Angkasa Zon 1 di Kuantan semalam.

Kos Sara Hidup (NACCOL) yang dipengerusikan Dr Wan Azizah semalam (kelmarin). Jadi kita akan memastikan 100 kedai runcit di bawah Angkasa ketika ini dapat membantu menjayakan hasrat kerajaan.

"Bagi mengurangkan kos sara hidup pula, kita dapati ia boleh dilakukan dengan mengurangkan campur tangan orang tengah dan inilah peranan yang boleh dimainkan Angkasa," katanya pada majlis Aidilfitri anjuran Angkasa Zon 1 di sini se-



malam.

Abdul Fattah berkata, pada masa kini terlalu ramai dan banyak lapisan orang tengah yang menyebabkan barang menjadi mahal di kedai runcit.

"Pengguna terkesan dengan keadaan ini. Kita boleh menggantikan peranan mereka (orang tengah) kerana Angkasa mempunyai rangkaian yang baik dengan lebih 3,000 buah koperasi di seluruh negara ketika ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya telah

membelanjakan kira-kira RM3 juta bagi membangunkan aplikasi Platform Peruncitan Barang Asas (BARP) yang kini boleh digunakan ahli koperasi dan orang ramai untuk membeli barangan keperluan asas di kedai runcit atau koperasi di bawah penyeliaan Angkasa.

Menurutnya, melalui aplikasi itu, pelanggan bukan sahaja boleh menempah barangan yang mahu dibeli, malah peniaga juga menyediakan perkhidmatan pembungkusan dan penghantaran kepada pelanggan.

"Aplikasi ini sama sahaja dengan perkhidmatan ditawarkan syarikat *e-hailing* lain. Kita boleh buat tempahan dan pembayaran ketika penerimaan barangan atau dibayar secara pindaan wang internet.

"Buat masa ini, hanya 100 kedai runcit dan koperasi Angkasa terlibat secara langsung dalam inisiatif BA100. Kita jangkakan pada 2020 kita dapat mencapai 3,000 buah kedai runcit dan koperasi," katanya.